



1. JAWATAN	: JURURAWAT KANAN
KEMENTERIAN/JABATAN	: JABATAN PERKHIDMATAN KEJURURAWATAN KEMENTERIAN KESIHATAN
BAHAGIAN	: III
TANGGAGAJI	: M.9 EB.10 (\$2,035 - \$3,030 SEBULAN)
KEKOSONGAN	: EMPAT (4)

**KELAYAKAN MINIMUM :**

1.
  - i) Sijil Jururawat Am atau sebanding.
  - ii) Sijil tambahan Kejururawatan (*Post Basic*).
  - iii) Telah berkhidmat terus menerus sebagai Jururawat atau jawatan sebanding tidak kurang dari 7 tahun.
  - iv) Mempunyai pengalaman yang luas dalam merawat pesakit-pesakit di hospital di bahagian yang khusus seperti ICU, CCU, SCBU, Renal Unit dan sebagainya.

**ATAU**

2.
  - i) Sijil Jururawat Am atau yang sebanding.
  - ii) Telah berkhidmat terus menerus sebagai Jururawat atau jawatan sebanding tidak kurang dari 10 tahun.
  - iii) Mempunyai pengalaman yang luas dalam merawat pesakit-pesakit di hospital di bahagian yang khusus seperti ICU, CCU, SCBU, Renal Unit dan sebagainya.
3. Lulus peperiksaan (ujian) bagi kenaikan pangkat.
4. Sijil yang diperolehi mestilah berdaftar dengan Lembaga Kejururawatan Brunei (*Brunei Nursing Board*) yang diiktiraf Kerajaan.
5. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JURURAWAT KANAN:**

1. Membantu pegawai jururawat dalam pentadbiran seharian dan jika diarahkan menyelenggarakan semasa ketiadaan pegawai jururawat.
2. Memastikan dasar-dasar kejururawatan dan tatacara perawatan dijalankan dengan teratur.
3. Mengawasi dan melaksanakan penjagaan, rawatan dan kesejahteraan pesakit-pesakit diberikan dengan memuaskan.
4. Membimbing dan menunjuk ajar jururawat-jururawat dan bidan dalam latihan.
5. Menasihati dan menjadi kaunselor kepada jururawat, pesakit dan keluarga pesakit.
6. Menasihati dan menunjuk ajar kepada pesakit dan keluarga pesakit mengenai rawatan dan pendidikan kesihatan.
7. Berhubungrapat dan bekerjasama dengan pegawai perubatan, pegawai-pegawai/kakitangan dilain-lain bahagian rumah sakit dan keluarga pesakit untuk rawatan dan kesejahteraan pesakit.
8. Menentukan penyimpanan peralatan, alat perkakas, ubat-ubatan dan lain-lain perbekalan sentiasa cukup dan dalam keadaan baik.
9. Menyediakan dan menghadapkan penilaian prestasi jururawat.
10. Bekerjasama dengan pihak-pihak yang tertentu supaya pemeliharaan dan kebersihan di bahagian dia bertugas dikendalikan dengan teratur dan memuaskan.
11. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.